

Rizal pengusaha belut. Dia menternak belut di kawasan rumahnya sahaja. Belut itu dijual di kedai makan neneknya.

Mula-mula, dia membeli tong yang diperbuat daripada plastik. Dia meletakkan tong itu _____.

Dia memasang jaring pada tong supaya belut tidak keluar.

Seterusnya, dia melepaskan _____ ke dalam tong itu. Dia juga memasang motor air agar belut mendapat udara yang secukupnya.

Apabila belut sudah besar, dia melepaskan belut itu _____ di kedai neneknya. Selepas itu, pelanggan akan memilih belut yang hendak dimakan.

Pelanggan _____ yang dikehendaknya. Pelanggan memberikan belut itu kepada tukang masak.

Tukang masak akan _____ mengikut jenis masakan yang dipesan oleh pelanggannya seperti sup atau masakan pedas. _____ berasa puas kerana dapat memilih dan makan belut yang berkhasiat.

Rizal sangat gembira kerana hasil belutnya dapat memajukan restoran neneknya juga.